

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Buku merupakan suatu aset yang berharga bagi membentuk kemajuan dan ketamadunan sesebuah negara. Peranan yang dimainkannya boleh membawa kepada taraf pencapaian pendidikan dan taraf intelektual sesuatu bangsa dan masyarakat ke peringkat yang dihormati dan disegani. Keadaan ini sebenarnya bersandarkan kepada maju atau mundurnya kadar penerbitan buku bagi sesebuah negara.

Kesan daripada kemajuan penerbitan buku sesebuah negara mampu membina dan merangsangkan minat membaca dan seterusnya meningkatkan kadar literasi sesebuah negara. Masyarakat yang berilmu dapat menerokai pelbagai bidang berlandaskan sumber-sumber buku yang diterbitkan sama ada daripada sumber tempatan mahupun yang diimport. Buku dapat melahirkan para penyelidik dan pengkaji yang sentiasa menghasilkan penemuan demi penemuan dan perubahan demi perubahan untuk diaplikasikan dengan peredaran zaman.

Medium yang digunakan untuk memperoleh maklumat dengan berkesan turut dikaitkan dengan pembacaan buku. Keadaan ini adalah lebih baik jika dibandingkan penerimaan maklumat melalui alat audio visual seperti menonton televisyen atau mendengar radio. Pemikiran akan dapat ditumpukan secara lebih

mendalam apabila seseorang itu membaca berbanding pemikiran sewaktu menonton televisyen.

Buku juga merupakan suatu produk atau komoditi yang berharga untuk diwarisi generasi seterusnya. Tidak kira apa jua bidang sekali pun, yang pasti ia akan dapat menyumbang kepada pembentukan sebuah generasi yang utuh dan berwibawa. Sumber-sumber daripada buku yang diterbitkan dapat dijadikan panduan sebagai landasan untuk terus mengembangkan idea-idea yang sedia ada kepada suatu yang lebih baru dan maju serta dapat disesuaikan dengan zaman.

Dalam menjadikan buku sebagai suatu aset yang bernilai dan dijadikan khazanah peninggalan, ia perlu didokumenkan. Untuk mendokumenkan segala ilmu yang dihasilkan, suatu wadah yang mampu dijadikan bahan untuk ditulis atau dicetak di atasnya diperlukan. Oleh itu, pada zaman ini kertas merupakan bahan mentah utama yang berperanan dalam industri penerbitan buku. Penghasilan kertas dalam sejarah manusia tercetus apabila sesuatu media diperlukan untuk dijadikan bahan di dalam aktiviti-aktiviti penulisan. Walaupun secara tradisi, kertas digunakan sebagai media untuk menulis, tetapi hakikatnya sekarang peranan kertas semakin luas. Kertas digunakan dalam bidang penerbitan buku, majalah, akhbar, percetakan pembungkusan, percetakan keselamatan, percetakan pejabat dan sebagainya.

Berdasarkan keperluan dan permintaan terhadap bekalan kertas yang kian meningkat dan untuk disesuaikan dengan pelbagai jenis produk, maka kertas yang dapat diperoleh daripada pasaran juga dalam pelbagai jenis. Dari segi fizikal, kita dapati kepelbagaianya daripada beberapa aspek seperti tebal atau tipis kertas, licin atau kasar permukaannya, permukaan disalut sebelah atau kedua-dua belah, proses penyudahan sama ada dalam keadaan *matt* atau *gloss* dan sebagainya. Setiap jenis kertas yang dihasilkan pula, disesuaikan dengan jenis produk, mesin dan proses percetakan yang digunakan.

1.2 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan untuk memenuhi objektif seperti berikut:

- 1) Melihat trend penggunaan jenis-jenis kertas yang umum dalam penerbitan buku dagang (*trade books*).
- 2) Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerbit dalam menentukan jenis kertas untuk melaksanakan projek terbitannya.
- 3) Mengkaji implikasi penggunaan kertas terhadap kos pengeluaran.
- 4) Meneliti masalah-masalah teknikal yang dihadapi oleh penerbit dan pencetak semasa proses percetakan dalam hubungannya dengan penggunaan kertas.

1.3 Skop Penyelidikan

Secara amnya, penerbitan buku di Malaysia dapat dipecahkan kepada beberapa kategori utama. Bagi menghasilkan suatu kajian yang berkesan, penyelidikan ini dikhkususkan kepada penerbitan buku dagang dan jenis-jenis kertas yang digunakan dalam terbitannya. Perkara-perkara berkenaan sifat-sifat kertas, berat, saiz, harga dan *origin* (negara atau kilang pengeluar) kertas akan turut dikaji.

Penyelidikan ini hanya membataskan jenis-jenis kertas yang biasa didapati penggunaannya dalam penerbitan buku dagang. Penentuan jenis-jenis kertas ini berasaskan maklumat-maklumat yang diperoleh melalui tinjauan lapangan dan laporan-laporan yang diperolehi daripada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Jabatan Perangkaan Malaysia dan persatuan-persatuan yang terbabit dalam industri berkenaan seperti Persatuan Pembuat Palpa dan Kertas Malaysia (MPPMA).

1.4 Metodologi Penyelidikan

Analisis deskriptif merupakan kaedah penting yang akan digunakan oleh pengkaji dalam usaha untuk mendapatkan data-data serta maklumat berhubung dengan tajuk penyelidikan, melalui kaedah ini data-data dan statistik daripada organisasi yang berkaitan akan diteliti untuk memdapatkan maklumat yang bersifat kuantitatif. Perkara-perkara yang diperhatikan adalah berkaitan dengan penggunaan jenis-jenis dan bentuk-bentuk kertas serta kaedah-kaedah percetakan dalam penerbitan buku umumnya dan penerbitan buku dagang khususnya. Pemerhatian ini dilakukan di beberapa tempat seperti di kedai-kedai buku, perpustakaan-perpustakaan, syarikat-syarikat penerbitan dan kilang-kilang percetakan.

Bagi membantu pengkaji melihat persoalan penyelidikan secara lebih jelas, pendekatan temubual peribadi akan dilakukan. Selain daripada itu, bagi memantapkan lagi hasil kajian pengumpulan data sekunder turut dilakukan. Pengkaji memdapatkan data-data dan maklumat dengan menganalisis data-data daripada industri dan sumber-sumber perpustakaan. Hasil gabungan kaedah-kaedah yang digunakan akan membolehkan pengkaji menyatakan fakta-fakta penghujahan dengan jelas dan menyakinkan.

a) Analisis Data-Data daripada Industri

Bagi tajuk kajian ini, pengkaji amat mementingkan data-data daripada Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Persatuan Pembuat Palpa dan Kertas Malaysia (MPPMA) . Laporan-laporan dan data-data statistik pengeluaran, import dan gunaan kertas negara amat berguna untuk menerangkan atau membuktikan fakta-fakta yang dikemukakan berhubung dengan tajuk penyelidikan. Maklumat berkaitan dengan kadar pengeluaran perbukuan negara dan pembahagian bidang-bidang terbitan juga akan dapat diperolehi daripada Perpustakaan Negara. Sumber maklumat yang diperolehi daripada badan-badan ini, akan menjadi teras dan dapat memantapkan hasil penyelidikan. Data-data yang diperolehi menerusi kaedah ini lebih bersifat kuantitatif.

b) Kaedah Temubual

Pengkaji akan memilih beberapa buah organisasi penerbitan yang menerbitkan buku daripada kategori buku dagang. Malah pertemuan turut diadakan dengan individu-individu yang bertanggungjawab dan mahir dalam industri kertas tempatan. Kaedah temubual yang dilakukan ini adalah bersifat secara langsung antara pengkaji dengan responden. Rasionalnya, pengkaji akan memperolehi maklumat melalui pertanyaan tentang soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Temubual yang dilakukan adalah secara informal dan antara beberapa soalan asas yang dikemukakan adalah seperti perkembangan industri kertas di Malaysia,

perkara-perkara yang melibatkan urusan perolehan dan pembelian bekalan kertas daripada pasaran tempatan dan luar negara serta perkara-perkara yang bersifat teknikal berkenaan proses-proses penghasilan kertas dan jenis-jenisnya.

c) **Penyelidikan Perpustakaan**

Bagi memastikan latihan ilmiah ini dihasilkan dengan berkualiti, data dan bukti hendaklah diperolehi melalui kajian terhadap dokumen dan rekod (Mohd Shaffie ; 1997). Dalam perkara ini, pengkaji membuat pembacaan terhadap buku-buku, majalah-majalah, kertas-kertas seminar, bahan disertasi dan laporan. Selain itu, penggunaan kemudahan internet juga dapat membantu dalam menyumbangkan maklumat terkini kepada tajuk kajian.